

11 JUL 2000

Rafidah-mansuh

RAFIDAH CADANG JAWATAN NAIB PRESIDEN UMNO DIHAPUSKAN

PETALING JAYA, 11 Julai (Bernama) -- Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz akan mencadangkan kepada Majlis Tertinggi parti supaya jawatan naib presiden Umno dimansuhkan kerana perebutan bagi jawatan itu menimbulkan "huru hara yang boleh melemahkan parti".

"Saya berpendapat kalau hanya ada presiden dan timbalan presiden serta ada 30 (anggota) Majlis Tertinggi, maka tidak akan ada rebutan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pelancaran "Rangkaian Sos Chef Wan" keluaran tukang masak Wan Redzuwan Wan Ismail yang lebih dikenali sebagai Chef Wan di sini hari ini.

Katanya cadangan itu dikemukakan atas alasan bahawa perebutan jawatan naib presiden menjurus kepada politik wang, huru hara dan kempen yang tidak berkesudahan yang merupakan satu daripada punca yang boleh melemahkan parti.

"Jawatan itu menjadi rebutan kerana seolah-olah secara automatik salah seorang naib akan naik menjadi nombor dua dan akhirnya nombor satu kerana itu tradisi," kata Rafidah.

Sebaliknya, kata beliau, jika presiden perlu memilih timbalan presiden, beliau boleh melantik seorang daripada kalangan 30 anggota MT.

Beliau diminta mengulas cadangan yang pertama kali disuarakannya ketika berucap pada majlis makan malam jubli perak Dewan Perniagaan Melayu Kuala Lumpur (DPMKL) malam tadi.

Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa berkata beliau mendapati DPMKL yang mempunyai struktur jawatan mirip struktur jawatan Umno, menghadapi masalah politik yang sama dengan Umno.

Katanya jika jawatan naib presiden tidak ada, 30 anggota MT dapat bekerjasama bagi memantapkan parti dan ianya juga dapat memberi pilihan lebih luas bagi presiden parti mencari penggantinya.

"Ini juga bagi mengelakkan kejadian di mana presiden parti memilih timbalan presiden kerana terpaksa walaupun mereka tidak berkelayakan berbanding dengan ahli-ahli MT yang lain," katanya.

Rafidah berkata penghapusan jawatan naib presiden juga dapat mengelak perasaan iri hati kerana pemilihan timbalan presiden dapat dibuat daripada jumlah calon yang besar berbanding tiga sahaja (naib presiden) sekarang.

Mengenai keputusan MT untuk menubuhkan Pasukan Puteri Umno, Rafidah berkata Wanita Umno masih mengkaji struktur kumpulan itu.

"Belum ada detail, kita setuju konsep sekarang, kita lihat bagaimana strukturnya akan dibentuk," katanya.

Beliau berkata pasukan itu akan ditubuhkan secepat mungkin.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengumumkan penubuhan pasukan itu selepas mempengerusikan mesyuarat MT semalam, berkata ia bagi memenuhi keperluan golongan wanita muda yang berminat menyertai Umno.

Katanya ia akan menyamai struktur pergerakan Pemuda Umno dengan anggotanya terdiri wanita kurang daripada 40 tahun.

-- BERNAMA

KLS ZS MAI